



JAWATANKUASA ETIKA & PENYELIDIKAN PERUBATAN
(Medical Research & Ethics Committee)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
d/a Institut Pengurusan Kesihatan
Jalan Rumah Sakit, Bangsar
59000 Kuala Lumpur



Tel.: 03-2287 4032/2282 0491/2282 9085
03-2282 9082/2282 1402/2282 1449
Faks: 03-2282 0015

Ruj.Kami:(5)KKM/NIHSEC/ P17-558
Tarikh: 14-April-2017

DR TITI RAHMAWATI BINTI HAMEDON
UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA (UPM)

DR WAN MING KEONG
UNIVERSITY PUTRA MALAYSIA (UPM)

Dato'/ Tuan/ Puan,

SURAT KELULUSAN ETIKA:

NMRR-17-415-34543 (IIR)

No Protokol : NA

EFFECT OF HEALTH EDUCATION USING HEALTH BELIEF MODEL ON THE SLEEP QUALITY OF HEALTHCARE WORKERS IN GOMBAK GOVERNMENT HEALTH CLINICS, SELANGOR

Lokasi Kajian:

PEJABAT KESIHATAN DAERAH GOMBAK

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan (JEPP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada halangan, dari segi etika, ke atas pelaksanaan kajian tersebut. JEPP mengambil maklum bahawa kajian tersebut hanya melibatkan pengumpulan data melalui:

i. Borang Soal Selidik

3. Segala rekod dan data subjek adalah **SULIT** dan hanya digunakan untuk tujuan kajian ini dan semua isu serta prosedur mengenai *data confidentiality* mesti dipatuhi.

4. Kebenaran daripada Pegawai Kesihatan Daerah / Pengarah Hospital dan Ketua-Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab disetiap lokasi kajian di mana kajian akan dijalankan mesti diperolehi sebelum kajian dijalankan. Dato'/ Dr / Tuan / Puan perlu akur dan mematuhi keputusan tersebut. Sila rujuk kepada garis panduan Institut Kesihatan Negara mengenai penyelidikan di Institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015) serta lampiran *Appendix 5* untuk templet surat memohon kebenaran tersebut.

5. Adalah dimaklumkan bahawa kelulusan ini adalah sah sehingga **13-April-2018**. Tuan / Puan perlu menghantar dokumen-dokumen seperti berikut selepas mendapat kelulusan etika. Borang-borang berkaitan boleh dimuat turun daripada laman web Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan (JEPP) (<http://www.nih.gov.my/mrec>).


- i. **Continuing Review Form** selewat-lewatnya dalam tempoh 1 bulan (30 hari) sebelum tamat tempoh kelulusan ini bagi memperbaharui kelulusan etika.
- ii. **Study Final Report** pada penghujung kajian.
- iii. Mendapat kelulusan etika sekiranya terdapat pindaan ke atas sebarang dokumen kajian/ lokasi kajian/ penyelidik.

6. Sila ambil maklum bahawa sebarang urusan surat-menyurat berkaitan dengan penyelidikan ini haruslah dinyatakan nombor rujukan surat ini untuk melicinkan urusan yang berkaitan.

Sekian terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,



.....
DATO' DR CHANG KIAN MENG

Pengerusi

Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia